

TARIKH : 18 SEPTEMBER 2020  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : M/S 14

## Gaji purata pekerja Malaysia RM3,224

Peningkatan 4.4 peratus atasi paras kenaikan inflasi sepanjang 2019

Oleh Shahrizan Salian  
shahrizan\_salian@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Gaji dan upah purata pekerja di Malaysia tahun lalu meningkat 4.4 peratus kepada RM3,224 berbanding RM3,087 pada 2018, demikian menurut Laporan Survei Gaji & Upah Malaysia 2019.

Peningkatan itu mengatasi paras kenaikan inflasi sepanjang 2019 iaitu 0.7 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata 9.2 juta penerima gaji dan upah tahun lalu, meningkat lima peratus daripada 8.8 juta orang pada 2018.

"Nilai penengah gaji dan upah bulanan mencatatkan peningkatan 5.8 peratus daripada RM2,308 pada 2018 kepada RM2,442 tahun lalu," katanya dalam satu kenyataan.

Laporan yang diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia

(DOSM) itu membekalkan statistik gaji dan upah bulanan mengikut ciri demografi serta sosioekonomi.

Mohd Uzir berkata, peningkatan gaji dan upah pada 2019 selari dengan prestasi ekonomi Malaysia yang turut merekodkan pertumbuhan 4.4 peratus pada harga semasa tahun lalu.

"Nilai penengah serta purata gaji dan upah bulanan untuk pekerja berpendidikan tertiar ke atas tinggi, masing-masing berkembang pada kadar 6.9 peratus dan dua peratus," katanya.

Laporan DOSM turut mendapati penengah gaji dan upah bulanan bagi pekerja di bandar meningkat 6.2 peratus kepada RM2,565, manakala pekerja di luar bandar berkembang 5.3 peratus kepada RM1,560.

**Nilai penengah gaji, upah bulanan catat peningkatan 5.8 peratus daripada RM2,308 pada 2018 kepada RM2,442 tahun lalu.**

**Mohd Uzir Mahidin,**  
Ketua Perangkawan  
Malaysia



Gaji purata meningkat tahun lalu berbanding 2018.

(Foto hiasan)

Bagaimanapun, purata gaji dan upah bulanan menunjukkan trend sebaliknya tahun lalu apabila kadar peningkatan pekerja luar bandar lebih tinggi iaitu enam peratus berbanding peker-

ja di bandar empat peratus.

Mohd Uzir berkata, statistik gaji dan upah pada 2019 tidak dipengaruhi impak negatif disebabkan COVID-19.

"Bagi 2020, penularan COVID-19 bakal memberi kesan kepada gaji dan upah yang diterima pekerja, terutama dalam industri perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal, pengangkutan dan penyimpanan, penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman serta aktiviti kesenian, hiburan dan rekreasi

berikutan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya.

